



Nota
ringkas :

KATA ADVERBA

- Kata adverbial ialah perkataan yang **menerangkan** kata kerja, kata adjektif, atau frasa sendi nama.
- Jika kata adverbial digugurkan (*ditiadakan*) dalam ayat, ayat tersebut masih bersifat gramatis, kerana kata adverbial **hanya** menjadi **penerang** bagi ayat.

Latihan 1

Pilih kata adverbial yang terdapat dalam ayat di bawah. Klik anak panah di tepi untuk memilih jawapan.

	Ayat	Kata adverbial
1)	Pemuda itu sering ke situ.	
2)	Ketam berjalan mengiring.	
3)	Anaknya kini sudah besar panjang.	
4)	Gadis itu tersipu-sipu malu.	

Latihan 2

Lengkapkan ayat berikut dengan memilih kata adverbial yang paling sesuai. Tarik pilihan jawapan ke petak jawapan yang betul.

julung kali	terbahak-bahak	gemuruh	nyenyak
melangit	lintang-pukang	tinggi	pagi

- Orang ramai memberikan tepukan setelah penyanyi itu selesai melakukan persembahan.
- Nenek tidur malam itu sambil ditemani cucu kesayangannya.
- Mail berasa kagum apabila melihat bangunan yang tinggi itu.
- Ibu bapa meletakkan harapan terhadap kejayaan anak-anak.
- Acara itu diadakan di sekolah.
- Kami ketawa semasa menonton filem komedi itu.
- Maya rajin bangun awal untuk pergi bersenam di taman itu.
- Lelaki itu lari apabila melihat lembaga putih di sebalik pohon itu.